

KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN TAPAK SEMAIAN SAWIT 2026



Wilayah Sarawak
(7–9 April 2026)

Wilayah Sabah
(5–7 Mei 2026)

Wilayah Selatan
(9–11 Jun 2026)

Wilayah Tengah
(7–9 Julai 2026)

Wilayah Timur
(4–6 Ogos 2026)

Wilayah Utara
(8–10 September 2026)



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)

www.mpob.gov.my

PENDAHULUAN

Penggunaan anak benih yang bermutu tinggi merupakan salah satu faktor penting dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit di peringkat ladang. Menanam anak benih yang berkualiti dan mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang betul, akan menghasilkan tandan buah segar (TBS) yang bermutu dengan hasil yang tinggi. Oleh itu, pemilihan anak benih adalah kritikal dalam penanaman sawit yang mempunyai hayat ekonomi sehingga 25 tahun. Pemilik ladang akan mengalami kerugian jika menanam anak benih yang tidak berkualiti. Oleh itu, pengusaha nurseri bertanggungjawab untuk membekalkan anak benih berkualiti kepada industri sawit. Tanggungjawab pengguna hendaklah membeli anak benih sawit daripada tapak semaian yang berlesen dan mempunyai sijil CoPN.

OBJEKTIF

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawai yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang piawai yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Kod Amalan Baik Nurseri Sawit atau *Code of Good Practice for Oil Palm Nurseries* (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan di samping penilaian dari sudut ekonomi bagi mengusahakan nurseri sawit.

SIAPA YANG PATUT HADIR

Kursus ini dirancang untuk pengusaha nurseri sawit dan sesiapa yang berminat bagi meningkatkan tahap kualiti pengurusan nurseri sawit.

Sila imbas/klik
kod QR untuk
pendaftaran



KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih yang berkeelayakan serta pakar dalam tajuk berkaitan dari MPOB dan industri. Bahasa pengantar adalah Bahasa Melayu.

Tajuk-tajuk kursus adalah:

- Pengenalan Industri dan Ekonomi Pengurusan Tapak Semaian Sawit
- Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian Sawit
- Pengenalan kepada Kod Amalan Baik Tapak Semaian untuk Pengusaha Tapak Semaian Sawit
- Pengawalseliaan Tapak Semaian Sawit

Latihan amali akan diadakan di tapak nurseri bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.

NOTA PENTING

- Terbuka kepada WARGANEGARA MALAYSIA berusia melebihi 18 tahun sahaja.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
- Tidak buta warna (permohonan peserta akan ditolak jika didapati GAGAL ujian buta warna).
- Peserta kursus dikehendaki menduduki peperiksaan amali dan teori bagi melayakkan mendapat sijil kursus.
- Yuran pendaftaran tidak dikembalikan sekiranya peserta/pengganti gagal menghadiri kursus.
- Yuran yang dikenakan termasuk bahan-bahan kursus iaitu nota syarahan, makan tengah hari, minum pagi/petang dan pengangkutan ke tempat praktikal semasa kursus.
- Jumlah peserta yang boleh diterima adalah terhad iaitu seramai 80 orang untuk setiap siri kursus.
- Tempat penginapan peserta kursus **tidak** disediakan dan menjadi tanggungan peserta sendiri.
- Pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui laman web MPOB. Tarikh tutup pendaftaran adalah dua minggu sebelum tarikh kursus beserta bayaran.YURAN

YURAN PENYERTAAN

Yuran pendaftaran yang dikenakan kepada peserta ialah **RM1,500** (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus Sahaja). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau atas talian di atas nama '**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**'. Peserta dikehendaki membuat pembayaran yuran pendaftaran sebelum kursus dan menghantar/e-mel slip pembayaran.

Penerima : Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Bank : CIMB Islamic Bank Berhad
Tingkat Bawah dan Tingkat Satu,
Blok A-2 & A-3, MKH Avenue,
Jalan Avenue 1A,
43000 Kajang, Selangor

Kod SWIFT : CTBBMYKL

No. Akaun : 8600471810

PERTANYAAN

Semua surat-menyurat dan pembayaran yuran kursus hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah MPOB
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(u/p: Unit Latihan dan Pengurusan Persidangan)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Teknikal
Pn. Sheilyza Mohd Ishak
Tel: 03-8769 4549
E-mel: sheilyza@mpob.gov.my

Pendaftaran
Cik Nurul Aishah Musa
Tel: 03-8769 4568

Pn. Normadiya Yunus
Tel: 03-8769 4569

Pn. Madihah Zolkafly
Tel: 03-8769 4874

E-mel: kursus.industri@mpob.gov.my